

**SULIT**



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2023/2024

Februari 2024

**VHS202 – Seni Lukis Moden Malaysia**  
**(Malaysia Modern Art)**

Masa : 2 jam  
(Duration : 2 hours)

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

*[Please check that this examination paper consists of **FOUR (4)** pages of printed material before you begin the examination.]*

**Arahan:** Jawab **EMPAT (4)** soalan. **Bahagian A WAJIB dijawab.** Jawab **TIGA (3) soalan sahaja daripada Bahagian B.** Bahagian A berjumlah 40 markah dan Bahagian B berjumlah 60 markah.

**Instructions:** Answer **FOUR (4)** questions. **Section A is COMPULSORY.** Answer **THREE (3) questions from Section B.** Section A carries 40 marks and Section B carries 60 marks.]

*In the event of any discrepancies, the English version shall be used.*

*[Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada soalan peperiksaan, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.]*

**Bahagian A [Soalan WAJIB]**

**Section A [COMPULSORY questions]**

1. **LAPAN (8)** sisipan akan ditayangkan. Nyatakan:

- (a) Nama Seniman [1 markah]
- (b) Tajuk Karya [1 markah]
- (c) Tahun Karya [ $\frac{1}{2}$  markah]
- (d) Kenalpasti **LIMA (5)** perkara penting dalam konteks karya seni yang dihasilkan. [2  $\frac{1}{2}$  markah]

**EIGHT (8) images will be shown. State:**

- (a) *The artist's name* [1 mark]
- (b) *Title of the artwork* [1 mark]
- (c) *Year* [ $\frac{1}{2}$  mark]
- (d) *Distinguish the significant FIVE (5) keypoints in the context of the artworks produced.* [2  $\frac{1}{2}$  mark]

**Bahagian B [Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 20 markah]**

**Section B [Answer THREE (3) questions only. Each question is worth 20 marks]**

2. Di dalam buku *The Invention of Art* (2001), Larry Shiner mencabar pemahaman konvensional tentang seni dengan mengkaji semula sejarahnya secara menyeluruh. Menurut beliau, "seni halus" adalah penemuan moden dan perbezaan antara seni dan kraf muncul selepas berlakunya transformasi sosial penting di Eropah pada akhir abad ke-18.

Dengan merujuk kepada konteks Malaysia, terangkan perbezaan karya seni halus berbanding dengan bentuk-bentuk kesenian tradisional atau kraf.

[20 markah]

*In The Invention of Art (2001), Larry Shiner challenged the conventional understanding of arts by completely reconsidering its history. According to him, "fine arts" were modern inventions and that the distinction between arts and crafts came about following the occurrence of key social transformations in Europe during the late 18th century.*

*By referring to the Malaysian context, explain the differences between fine arts as compared to traditional art forms or crafts.*

[20 marks]

3. Kedua-dua seniman Cheong Soo Pieng dan Georgette Chen menggunakan pendekatan Nanyang di dalam penghasilan karya mereka. Adakah pendekatan Nanyang itu mencerminkan karya seni masyarakat Malaya? Bincangkan.

[20 markah]

*Both artists Cheong Soo Pieng and Georgette Chen employ Nanyang approach in the production of their artworks. Does Nanyang approach reflect the artistic taste of Malayan society? Discuss.*

[20 marks]

4. Banding dan terangkan perbezaan konsep dan tema yang wujud di antara karya Ekspresionisme Abstrak dan "New Scene" 1970an.

[20 markah]

*Compare and explain the differences of concepts and themes that persist between Abstract Expressionism and the 1970's "New Scene" art.*

[20 marks]

5. Tahun 1980an menyaksikan ramai seniman Malaysia menghasilkan karya yang diinspirasikan daripada budaya Melayu dan nilai estetika Islam. Merujuk kepada dua contoh karya Syed Ahmad Jamal, kenalpasti bagaimana karya tersebut berjaya menggambarkan ciri-ciri tersebut.

[20 markah]

*The 1980s saw many Malaysian artists produce artworks inspired by Malay culture and Islamic aesthetic value. Referring to two artworks by Syed Ahmad Jamal, identify how these two works succeeded in reflecting these elements.*

[20 marks]

6. Pada lewat 1990an hingga kini, beberapa seniman Malaysia telah menghasilkan seni persembahan. Pilih seorang seniman yang menghasilkan seni persembahan dan bincangkan bentuk karya tersebut melalui dua contoh karya beliau.

[20 markah]

*Since the late 1990s until now, many Malaysian artists have created performance art. Choose one artist who produced performance art and discuss such art forms by using at least two relevant works.*

[20 marks]

-oooOooo-